



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1//7/2 Jld. 6 (16)
Tarikh : 19 Disember 2018

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

***SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 15 TAHUN 2018***

**KOD ETIKA IBU BAPA / PENJAGA KETIKA BERURUSAN DI SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah tentang keperluan mewujudkan dan menguatkuasakan Kod Etika Ibu Bapa/ Penjaga ketika berurusan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. KPM mengambil maklum kepentingan mengupayakan pelibatan secara langsung ibu bapa / penjaga dalam mengoptimalkan perkembangan pendidikan murid di sekolah. Pelibatan ibu bapa ini menuntut kepada keberadaan ibu bapa / penjaga di sekolah untuk berurusan secara langsung dengan pihak sekolah sama ada melalui aktiviti terancang yang dianjurkan oleh pihak sekolah mahupun secara tidak terancang melalui lawatan, sesi perjumpaan dan sebagainya.

3. Mengambil kira ruang dan peluang keluar masuk ibu bapa dan penjaga serta orang awam sebagai pelanggan di sekolah, pihak sekolah adalah terdedah kepada pelbagai cabaran dan ancaman termasuk menghadapi karenah dan tindakan orang luar. Sehubungan dengan itu, KPM berpandangan terdapat keperluan mewujudkan dan menguatkuasakan suatu bentuk peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak luar ketika berurusan di sekolah.

4. Sebagai suatu cara pencegahan, pihak sekolah hendaklah mewujudkan dan menguatkuasakan satu peraturan yang wajib dipatuhi oleh pihak luar ketika berurusan di sekolah KPM. Peraturan berupa kod etika ketika berurusan di sekolah tersebut hendaklah bersifat dinamik, sesuai dengan keperluan logistik, sosio-ekonomi, sistem kepercayaan dan budaya majoriti ahli komuniti di persekitaran sekolah tersebut masing-masing.

5. Kod etika tersebut hendaklah diwujudkan melalui permuafakatan dan persetujuan dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah dengan mengambil kira kepentingan dan keselamatan warga sekolah dalam menyantuni dan menerima kehadiran pelanggan dalam kalangan pihak luar ke dalam premis sekolah.

6. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



SHAARI BIN OSMAN

b.p. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah nazir dan jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia